

Lim Keng Yaik Ketepikan Bahasa Melayu?

Oleh : PEMERHATI POLITIK

ERA BARU telah menerima banyak panggilan telefon dari orang ramai melahirkan kekecewaan mereka tentang **Open University**, Pulau Pinang yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam risalahnya sebagai memberi tahu dan menarik mereka yang berminat belajar di Universiti tersebut. Bahasa yang digunakan dalam risalah itu ialah Inggeris dan Mandarin sahaja.

Open University telah diasaskan oleh Parti Gerakan dan Pengerusinya ialah Dr Lim Keng Yaik.

Mereka menelefon mempersoalkan di manakah kesetiaan Keng Yaik terhadap negara ini?

Apabila hak-hak mereka terancam, mereka selalunya akan cepat-cepat memprotes dan melenting, tetapi Bahasa Kebangsaan se ngaja diabaikan biarpun Keng Yaik adalah anggota Kabinet dimana penggu-

naan Bahasa Melayu kerap dibincangkan.

Dr Lim Keng Yaik dan Dr Koh Tsu Koon sepatunya sudah faham dan tidak perlu diingatkan lagi bahawa Bahasa Melayu juga penting digunakan dalam risalah tersebut, ataupun Universiti tersebut sememangnya tidak minat mengambil pelajar-pelajar dari golongan Melayu?

TINDAKAN

Diharapkan Kementerian Pendidikan Tinggi yang meluluskan penubuhan Universiti itu tidak akan lengah-lengah menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya sebelum terlambat bagi membetulkan yang salah.

Dalam pada itu Pengerusi Badan Perhubungan UM NO, Johor yang juga Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman terus mempertahankan agenda UMNO untuk pertahan-

kan Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan bangsa dan bahasa ilmu negara ini.

Menurut beliau, penggunaan Bahasa Melayu semakin dilupakan kerana terlalu ghairah menguasai Bahasa Inggeris.

Justeru itu, beliau mahukan Kerajaan memberi lebih perhatian terhadap perkembangan Bahasa Kebangsaan yang dilihat semakin terpinggir.



Dr Lim Keng Yaik



Datuk Abdul Ghani Othman



Dr Koh Tsu Koon

Agenda Umno terus pertahan bahasa Melayu

SHABALAM, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman mahukan kerajaan memberi lebih perhatian terhadap perkembangan

Melayu tidak dipelihara, kemungkinan besar bahasa itu tidak lagi menjadi bahasa ilmu dan generasi muda juga tidak lagi mememikannya.

berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kota Raja di sini semalam.

"Kita bukan mahu menentang dasar yang dibuat kerajaan dalam usaha menjadikan negara ini sebagai negara maju manakala UMNO tetap mahu

Keratan akhbar yang menyiarkan gesaan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman supaya Kerajaan memberi lebih perhatian terhadap perkembangan Bahasa Kebangsaan yang dilihat semakin terpinggir.

Ekoran dari tajuk muka hadapan ERA BARU, yang bertajuk 'PEMIMPIN UMNO PENGE CUT', ERA BARU telah menghubungi beberapa pembaca untuk mendapatkan pandangan mereka kepada sasaran tersebut.

Di bawah ini, disiarkan jawapan-jawapan mereka untuk dikongsi bersama oleh pembaca.

Mohd Kassim Bin Mohd Said
 Ahli UMNO Bahagian Lumut.

Bersetuju dengan tajuk yang telah dibentangkan, kerana pemimpin UMNO kini berbeza sama sekali dengan pemimpin UMNO dulu. Pemimpin kini yang lebih kepada demokrasi dipimpin hanya mengikut telunjuk pada arahan atasan.

Adakah mungkin untuk menyelamatkan kerusi masing-masing? Bermakna UMNO yang akan datang akan lemah dan tidak sampai ke matlamatnya memperjuangkan hak-hak orang Melayu.

Kita tidak boleh hanya mengikut kata ketua sahaja, kerana pemimpin UMNO diamanahkan untuk memperjuangkan maruah bangsa, agama dan negara tetapi kini sebaliknya. Jangan kerana sikap pemimpin UMNO kini yang hanya tahu mendiamkan diri boleh menjatuhkan UMNO sendiri dan terhakis kepada PAS.

Hajjah Hasnah Bt Ismail,
 Ahli UMNO Bahagian Ipoh.

Bukan Pengecut !! Separuh daripada mereka terlalu kekenyangan dan agaknya boleh disuruh berehat. Saya agak hairan jikalau dulu Ketua Wanita berani bersuara lantang, tapi kini diam menyepi. Tapi bagi saya, mungkin pemimpin kini memasang strategi tersendiri yang tidak di ketahuinya oleh orang ramai. Pemimpin atasan kini lebih rela mengikut petunjuk dari membantah. Ingat !!

'Takkan Melayu hilang didunia'.

Mohd Zaid Bin Hamadi
 Ahli UMNO Bahagian Sg. Buloh

Bersetuju kerana banyak kes yang menun-

jukkan pemimpin UMNO takut untuk bersuara memperjuangkan hak orang Melayu dan tidak mahu membela agama Islam.

Seperti kes Lina Joy yang 'murtad', mengapa mesti kita biarkan begitu sahaja, sedangkan ini melibatkan soal maruah bangsa dan agama? 'Yang kaya akan terus kaya, yang miskin akan terus miskin'.

Pemimpin UMNO kini hanya berani di atas surat khabar sahaja dan pandai mencela parti pembangkang seperti parti PAS, tetapi bila DAP bercakap lantang mengenai orang Islam, UMNO tunduk mendiam?

En. Ridzuan Bin Mohd Ariff,
 Ahli UMNO Cawangan Sg. Tua

Sangat bagus, ini menampilkan 'daring' nak bagi 'wake up call for them'. Takkan semua kata bos semuanya nak ikut! Kita pun berhiak menyuarakan pendapat, bukannya tunduk mengalah sahaja.

Jangan disebabkan pengikut ala 'Pak Turut' itu membinasakan karier mereka sekaligus menjatuhkan martabat negara ini.

Hamba Allah
 Kuala Lumpur

AKHBAR POLITIK
 ايرابارو
 DITUBUHKAN PADA 1994
EraBaru
 Wadah Perjuangan Bangsa
PEMIMPIN UMNO PENGE CUT!
 Bertolak ansur dalam beberapa isu yang melibatkan kepentingan Orang Melayu

Keratan muka hadapan akhbar Era Baru bertarikh 29 Jun 2007

Saya amat bersetuju dengan tajuk ditulis oleh ERA BARU walaupun bunyinya agak kasar, tetapi penuh erti dan padat dengan pengertian perjuangan dan pengorbanan kepada bangsa dan agama.

Pendirian ini mesti diteruskan untuk memperjuangkan hak perjuangan dan untuk perubahan dalam parti yang amat berbeza.

Islam bukan bererti PAS, Ingat!. 'PEMIMPIN UMNO PENGE CUT' merupakan bahasa yang pendek tetapi tepat pada dasar yang sepatutnya kita ketahuinya hari ini.

Ini kerana kebanyakan pemimpin UMNO kini lebih banyak berjuang berprestasi harta, nama, gelaran, dan kekayaan serta tamak sehingga bertentangan dengan Islam.

Pemimpin diibarat seperti sebatang 'pokok' oleh rakyat kerana mereka ini dipilih sebagai akar tunjang menjaga hak-hak bangsa, agama, dan negara.